

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JULY 2017

## Strategi Kit Siang guna Dr. M pecah belah Melayu

UM- 29/7/2017 pg. 11

**KUALA LUMPUR 28 Julai** - Lim Kit Siang hanya mempergunakan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai bekas pemimpin UMNO untuk memecah-belahkan kuasa politik kaum Melayu di negara ini.



Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Mohd. Puad Zarkashi (**gambar**) berkata, ia merupakan agenda sebenar Penasihat DAP itu untuk menggunakan bekas pemimpin-pemimpin UMNO yang kecewa untuk menyerang balik parti berpengaruh itu.

“Dr. Mahathir berangan-angan tinggi untuk menjadi Perdana Menteri interim atas sokongan kuat Kit Siang jikalau Pakatan Harapan menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kerana DAP parti paling berpengaruh dalam Pakatan Harapan.

“Sedangkan hakikatnya Kit Siang tidak akan menyokong Dr. Mahathir. Strategi Kit Siang ialah hanya orang UMNO sahaja yang boleh pecahkan UMNO. Ini adalah strategi yang lazim diguna pakai oleh seorang diktator dan beliau ialah pemimpin diktator dalam Pakatan Harapan apabila ber-

jaya memperalatkan Dr. Mahathir untuk memperdaya pengundi Melayu,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd. Puad berkata, selain Kit Siang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri

Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan dilihat melakukan tindakan gila jika bersetuju melantik Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri interim.

Ini kerana, katanya, rekod kepemimpinan diktator Dr. Mahathir selama 22 tahun dan tabiat pusingan U membuktikan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia itu berkeupayaan melakukan apa sahaja secara pusingan U dalam tempoh memegang jawatan Perdana Menteri kali kedua sekali gus bakal memusnahkan Pakatan Harapan itu sendiri. “Sebab itu Forum ‘Mahathir, Agen Perubah atau Pemusnah’ mendedahkan ramai pihak tidak senang dengan kehadiran Dr. Mahathir dalam Pakatan Harapan.

“Akhirnya, Kit Siang akan menjadi pemusnah yang menjadikan impian Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri interim bertukar menjadi mimpi buruk,” katanya.